

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.10.2016**

**Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah UTC dan RTC yang telah dibina mengikut negeri sejak pelancarannya pada tahun 2012 dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak lagi UTC dan RTC pada masa akan datang serta dimanakah cadangan-cadangan pembinaan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman YB, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*) bertujuan menyediakan

pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Pada masa ini sebanyak 16 UTC telah ditubuhkan di mana sembilan (9) merupakan UTC Negeri dan tujuh (7) UTC Bandar. Senarai UTC mengikut negeri adalah seperti berikut;

### **UTC Mengikut Negeri**

#### **1. Wilayah Persekutuan (4)**

##### **i. Kuala Lumpur (3)**

- a. UTC Kuala Lumpur (Pudu Sentral)
- b. UTC Sentul
- c. UTC Keramat

##### **ii. Labuan (1)**

- a. UTC Labuan

#### **2. Sarawak (3)**

##### **i. UTC Sarawak (Kuching)**

##### **ii. UTC Sibul**

##### **iii. UTC Miri**

#### **3. Sabah (2)**

##### **i. UTC Sabah (Kota Kinabalu)**

##### **ii. UTC Tawau**

#### **4. Kedah (2)**

##### **i. UTC Kedah (Alor Setar)**

## ii. UTC Sg Petani

5. UTC Melaka
6. UTC Perak (Ipoh)
7. UTC Pahang (Kuantan)
8. UTC Johor (Johor Bharu)
9. UTC Terengganu (Kuala Terengganu)

Hasrat kerajaan adalah untuk menubuhkan UTC di setiap ibu negeri di Malaysia yang dikenali sebagai UTC Negeri dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan akan mewujudkan UTC di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan mengambil kira jarak antara sesuatu lokasi UTC.

Untuk makluman YB juga, sebanyak dua (2) UTC sedang dalam pembinaan iaitu UTC Kelantan dan UTC Keningau. Seterusnya, Kerajaan akan memberi perhatian kepada penubuhan UTC di negeri-negeri dan bandar-bandar utama yang masih belum mempunyai UTC berdasarkan keperluan rakyat setempat.

Inisiatif RTC pula diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Setakat ini, sebanyak 11 RTC telah dibina di seluruh Malaysia kecuali Sabah, Selangor dan Perlis. Dasar Kerajaan

berkenaan pembinaan RTC adalah sekurang-kurangnya sebuah RTC di setiap negeri. Oleh yang demikian, pembinaan RTC akan diteruskan di Sabah dan Selangor. Manakala di Perlis, fungsi RTC akan dilaksanakan bersama-sama dengan penubuhan UTC supaya penawaran perkhidmatan Kerajaan lebih efektif dan strategik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 14**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) status terkini mengenai penyiasatan nahas pesawat MH17; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak yang menyebabkan nahas ini berlaku.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan akhir siasatan teknikal yang telah dikeluarkan oleh *Dutch Safety Board* (DSB) pada 13 Oktober 2015 telah mengumumkan bahawa punca nahas pesawat MH17 adalah disebabkan oleh peletupan peluru berpandu (*warhead*) jenis 9N314M yang dibawa pada misil siri 9M38 yang dilancarkan dari bahagian timur Ukraine dengan menggunakan sistem peluru berpandu darat-ke-udara BUK. Manakala bagi siasatan jenayah nahas pesawat MH17, pihak *Joint Investigation Team* (JIT) telah membentangkan hasil interim siasatan jenayah nahas pesawat MH17 kepada anggota keluarga mangsa pada 28 September 2016. Hasil interim yang dibentangkan oleh JIT tersebut boleh diakses melalui laman web <http://www.om.nl/>.

Hasil interim siasatan jenayah tersebut tidak menyalahkan mana-mana negara yang bertanggungjawab dalam menembak jatuh pesawat MH17. Dalam hubungan ini, pihak JIT akan meneruskan siasatan jenayah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah undang-undang untuk mencapai keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama.

- (b) Berhubung tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak yang menyebabkan nahas ini, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang

meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan. Walau bagaimanapun, keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah kelak.

Malaysia sebagai salah satu anggota JIT tidak akan bertindak bersendirian terhadap pihak yang telah menyebabkan nahas pesawat MH17. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain dalam JIT akan mengambil tindakan pendakwaan terhadap pihak yang menyebabkan nahas ini berlaku. Memandangkan siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah ini masih sedang dijalankan, tindakan tersebut hanya akan diambil setelah siasatan berhubung nahas tersebut selesai dan setelah keterangan didapati mencukupi untuk membawa pelaku atau pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.

**SOALAN NO. 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pencapaian negara  
yang disasarkan oleh Kerajaan dalam membasmi kemiskinan tegar di  
dalam negara.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian negara dalam membasmi kemiskinan tegar boleh dilihat berdasarkan maklumat Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). Ia dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak dua kali bagi setiap 5 tahun. Berdasarkan kepada HIS terkini, tahun 2014, kadar kemiskinan tegar negara telah berkurangan daripada 0.7% pada tahun 2009 kepada hanya 0.1%. Walaupun insiden isi rumah miskin tegar hampir dibasmi sepenuhnya, khususnya di negeri-negeri tertentu, tumpuan akan terus diberikan kepada usaha untuk membasmi poket-poket kemiskinan yang masih wujud dalam kalangan rakyat.

Selaras dengan kemajuan dalam pembasmian kemiskinan, fokus Rancangan Malaysia Kesebelas diberikan kepada isu kemiskinan pelbagai dimensi. Kerajaan akan menggunakan pendekatan pengukuran kemiskinan relatif, iaitu Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) bagi melengkapikan kaedah pengukuran kemiskinan mutlak berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan. MPI dapat membantu Kerajaan untuk mengkaji isu kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih terperinci bagi membantu isi rumah miskin yang memerlukan sokongan tertentu berasaskan kepada keperluan dengan lebih jelas dan berkesan.

Sekian. Terima kasih.